

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

## 1.1 Latar Belakang Kajian

Kajian berkaitan dengan tajuk “**Perbandingan Antara Peradaban Jepun dan Islam : Satu Analisis Dari Aspek Kepercayaan**” merupakan satu kajian yang agak sukar tetapi menarik dan julung-julung kali dilakukan. Kajian seumpama ini memerlukan seseorang calon yang mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam ke dua-dua aspek kepercayaan yang hendak dikaji iaitu peradaban Jepun dan Islam khasnya dari aspek kepercayaan.

Di dalam kajian ini, penulis cuba menonjolkan aspek-aspek kepercayaan yang terdapat dalam peradaban Jepun dan Islam. Sebagaimana yang kita ketahui, peradaban Jepun merupakan peradaban yang kompleks dimana dalam sebuah peradaban terdapat pelbagai aliran yang tinggal dalam satu bumbung. Namun demikian, ini tidak menimbulkan perselisihan tetapi menimbulkan penyesuaian kepercayaan membentuk kepercayaan Jepun dalam peradabannya yang kompleks. Berbanding dengan peradaban Islam pulaia kelihatan lebih ringkas kerana hanya terdapat satu aliran kepercayaan sahaja dalam satu masa iaitu kepercayaan kepada agama Islam yang bertauhidkan Allah s.w.t.

Ke dua-dua peradaban tersebut mempunyai konsep yang berbeza tetapi terdapat persamaan dari segi makna, kandungan dan maksud yang ingin diketengahkan. Misalnya, konsep Bushido dalam peradaban Jepun telah melahirkan sikap kesetiaan kepada ketua. Jadi, tidak hairanlah dalam perang dunia ke dua mereka sanggup bermati-matian demi Maharaja mereka dan konsep ini dipanggil ***Kamikaze***. Mereka mempercayai dengan berbuat demikian mereka akan dilahirkan semula dalam keadaan yang lebih baik. Sebenarnya, konsep ini juga terdapat dalam peradaban Islam yang

dikenali konsep **Syahid** iaitu konsep berjihad di jalan Allah demi menegakkan Islam tanpa mengambil kira kepentingan diri mereka. Ini kerana mereka mempercayai dengan berbuat demikian mereka akan memperolehi balasan yang baik daripada Allah.

Atas dorongan permasalahan yang wujud ini, maka terdetiklah di hati penulis untuk membuat kajian dan penyelidikan mengenai apakah perbezaan dan persamaan yang terdapat dalam peradaban Jepun dan peradaban Islam tentang kepercayaannya. Ia merupakan satu kajian yang menarik dan julung-julung kali dilakukan.

## **1.2 Kepentingan Kajian**

Penulis menyedari kajian mengenai perbandingan kepercayaan atau agama amat jarang dilakukan disebabkan ia merupakan satu topik yang sensitif. Namun begitu, kita harus berubah dengan membuang yang keruh dan mengambil yang jernih dimana peradaban Jepun yang tidak kuat dari segi pegangan agama mereka tetapi mempunyai etika kerja yang tinggi boleh maju sementara peradaban Islam yang kelihatan lengkap dalam segala aspek tetapi disebabkan sikap masyarakatnya yang tidak boleh bekerjasama dan ramai yang meninggal atau melupakan ajaran Islam menyebabkan kebanyak negara Islam mengalami kemunduran walaupun ia merupakan sebuah peradaban yang hebat satu masa dulu.

Kajian ini diharap akan dapat mengupas kepercayaan beragama dalam peradaban Jepun dan mencari kunci kebangkitan peradaban mereka. Tidak lupa juga untuk melihat punca-punca kelemahan peradaban dan masyarakat Islam seluruhnya dan

dicadangkan perubahan-perubahan yang perlu dilakukan oleh masyarakat Islam seluruhnya untuk berubah dan menuju kemajuan.

### **1.3 Objektif Kajian**

Disamping tujuan akademik, disertasi ini juga mempunyai beberapa objektif atau tujuan tertentu, antaranya ialah:

- i- Untuk mengkaji secara lebih mendalam tentang aliran-aliran kepercayaan yang mendasari kehidupan masyarakat Jepun dan seterusnya mempengaruhi pembinaan peradaban mereka.
- ii- Untuk mendapatkan maklumat secara langsung mengenai kepercayaan-kepercayaan yang terdapat dalam peradaban Jepun.
- iii- Untuk mendapatkan persamaan dan perbezaan yang terdapat dalam kepercayaan-kepercayaan peradaban Jepun dan peradaban Islam terutama dari segi konsep-konsep yang wujud kesan daripada kepercayaan mereka kepada agama dan kepercayaan mereka.
- iv- Untuk memenuhi sebahagian syarat bagi mendapatkan Ijazah Sarjana Sastera (Pengajian Peradaban).

### **1.4 Skop Kajian**

Dalam melakukan kajian ini, penulis akan mengupas secara terperinci topik yang menjadi sasaran kajian. Tajuk disertasi penulis ialah berkaitan dengan kepercayaan beragama masyarakat Jepun dan Islam. Focus utama kajian ini adalah

untuk melihat gambaran sebenar mengenai kepercayaan dalam masyarakat Jepun dan Islam disamping kesan-kesan dan nilai-nilai yang terbit hasil kepercayaan tersebut.

### **1.5 Metodologi Penyelidikan**

Terdapat beberapa metod yang digunakan untuk tujuan menyiapkan disertasi ini seperti disebutkan di bawah:

i-      **Metod Kuantitatif**

Metod ini digunakan bertujuan untuk mendapatkan lebih banyak maklumat untuk tujuan kajian dan analisis penulis. Melalui metod kuantitatif, penulis akan menggunakan beberapa metod iaitu:

a) **Metod Observasi**

Melalui metod ini, penyelidikan akan dilakukan secara sengaja melalui pengamatan dan catatan terhadap segala objek yang dikaji. Dalam hal ini, penulis akan melihat fakta yang diutarakan.

b) **Metod Dokumentasi**

Metod ini pula akan menggunakan cara pengumpulan data dengan melakukan kajian terhadap dokumen yang mempunyai hubungan dengan masalah yang diteliti. Dokumen dapatlah disamakan dengan benda bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan seperti buku-buku, majalah, kertas kerja seminar, internet, dan lain-lain dan kebanyakannya dapat diperolehi di perpustakaan. Selain itu, kitab-kitab suci juga dianggap sebagai dokumen kerana sifatnya sebagai sumber bertulis.

ii- Metod Kualitatif

Metod kualitatif merupakan proses mengkaji data-data atau maklumat-maklumat yang telah dikumpulkan. Cara ini dapat membantu penulis untuk menyiapkan dan menyempurnakan disertasinya. Penganalisaan ini secara umumnya menggunakan teknik seperti di bawah:

a) Metod Komparatif

Dengan cara membuat kesimpulan setelah melakukan perbandingan dari semua fakta-fakta dan data-data yang diperolehi secara kesimpulan.

b) Metod Induksi

Metod ini merupakan instrumen untuk menghasilkan kesimpulan yang bersifat umum dengan bersumberkan fakta-fakta atau maklumat yang bersifat khusus. Fakta-fakta yang berbentuk khusus nanti akan menjadi asas kepada penulis untuk membuat rumusan dan cadangan yang bersifat umum.

c) Metod Deduksi

Metod Deduksi juga digunakan di mana ini merupakan kesimpulan atau rumusan dengan bersumberkan bukti yang bersifat umum dalam membuat kesimpulan yang bersifat khusus.

iii- Sumber Data

Pengumpulan data dibuat daripada dua sumber iaitu:

a) Penyelidikan Perpustakaan

Dalam usaha penyelidikan ini, penulis akan mendapatkan maklumat melalui sumber daripada perpustakaan-perpustakaan yang terdapat di Malaysia seperti perpustakaan UM cawangan Nilam Puri, Perpustakaan Utama UM, Perpustakaan Japanese Foundation, Centre For Japan Studies di Institute Of Strategic And International Studies (ISIS) dan Pusat Islam.

b) Kaedah temuramah

Kaedah ini dilakukan lebih kepada untuk mendapatkan kepastian daripada individu-individu yang ahli dalam bidang yang berkaitan di ke dua-dua belah pihak. Keutamaan diberikan kepada tokoh-tokoh akademik yang pernah ke Jepun dan negara-negara Asia Barat bagi mendapatkan gambaran yang jelas tentang fakta yang diperolehi. Kaedah ini dilakukan dengan bertemu “*face to face*” antara penulis dengan tokoh-tokoh yang berkenaan.

## **1.6 Sistematika Penulisan**

Disertasi ini disusun seperti berikut:

### **Bahagian Permulaan**

Bahagian ini mengandungi halaman tajuk, dedikasi, penghargaan, abstrak, sistematika penyusunan bab dan senarai kependekkan.

### **Bahagian Isi dan Teks Perbincangan**

Bahagian ini merupakan bahagian utama kajian penulis. Penulis membahagikannya kepada enam bab dan perbincangan bab adalah seperti berikut:

## **Bab Pertama**

Bab ini merupakan bab pengenalan penulis kepada kajian secara umum dan merumuskan persoalan-persoalan yang menjadi kajian utama penulis. Maklumat lain seperti metodologi penyelidikan, skop kajian, sistematika penulisan dan masalah kajian.

## **Bab Kedua**

Bab ini merupakan bab yang memberikan gambaran secara umum berkaitan kepercayaan dalam peradaban manusia. Disentuh juga berkaitan dengan kepercayaan-kepercayaan yang terdapat di dunia yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu kepercayaan agama daripada wahyu dan daripada pemikiran manusia atau dipanggil agama alam. Serta tidak lupa juga dikaitkan agama dan masyarakat serta memberikan makna kepercayaan dan agama yang sebenarnya serta perkaitan ke dua-duanya.

## **Bab Ketiga**

Bab ini pula membincangkan satu persatu berkaitan dengan kepercayaan agama yang terdapat dalam peradaban Jepun dan bagaimana kepercayaan tersebut boleh masuk dan membentuk identiti kepercayaan masyarakat Jepun seluruhnya dan kesan-kesan beragama dan mempunyai kepercayaan dalam masyarakat.

## **Bab Keempat**

Bab ini pula akan membincangkan satu persatu berkaitan dengan kepercayaan dalam peradaban Islam dan nilai-nilai penting hasil daripada kepercayaan kepada agama Islam.

## **Bab Kelima**

Bab ini akan membincangkan perbandingan antara kepercayaan dalam peradaban Jepun dan Islam dan akan menyentuh perbezaan dan persamaan yang wujud antara ke dua-duanya.

## **Bab keenam**

Bab ini merupakan bab terakhir dan bab kesimpulan yang memberikan ulasan yang jitu berkaitan kelemahan umat Islam disamping saranan-saranan kepada Tamadun Islam dan Jepun .

### **1.7 Masalah Kajian**

Dalam usaha penulis menyiapkan disertasi ini, penulis telah menghadapi pelbagai masalah dan kesulitan, antara masalah-masalah tersebut ialah:

- i- Kesukaran dalam mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai masalah yang dikaji kerana kebanyakan maklumat yang ada adalah lebih tertumpu kepada maklumat umum dan disebabkan itu, penulis sukar membuat analisis dan rumusan yang tepat.
- ii- Disamping itu, penulis juga menghadapi masalah kewangan yang kritikal disebabkan penulis mempunyai simpanan kewangan yang terhad

berbanding daya usaha yang banyak untuk tujuan penyelidikan dan kajian.

- iii- Temuramah yang hendak dilakukan sukar hendak dilakukan kerana kebanyakan mereka kurang memahami dan menyedari tentang kepentingan kajian ini dibuat.
- iv- Masa yang diberikan agak terhad berbanding dengan penyelidikan yang mencakupi skop yang luas dan mencabar.
- v- Kesukaran mendapatkan gran untuk menjalankan penyelidikan di Jepun.

Walaupun dirintangi dengan pelbagai masalah tersebut tetapi dengan berkat doa ibu dan perangsang daripada kawan-kawan serta keazaman yang dimiliki, penulis dapat menghadapinya dengan tenang dan berjaya menyiapkan disertasi ini dengan rahmat Allah s.w.t.

Akhir sekali, penulis mengharapkan dengan terkumpulnya maklumat-maklumat ringkas mengenai kepercayaan dalam peradaban Jepun dan Islam dapat meleraikan beberapa pertikaian mengenai faham kepercayaan terutama bersangkutan dengan Islam dan Jepun. Akhir kata, semoga penyelidikan yang dilakukan mendapat keredaan Allah s.w.t.